

Memelihara

Oleh NIDZAMUDDIN ZAKARIA dan DR. MOSTEFA CHEIKH YAHI

kemerdekaan negara

2007 merakamkan tahun bersejarah dan melakarkan detik gemilang buat negara Malaysia dengan genapnya 50 tahun kita mencapai kemerdekaan. Seharusnya tempoh masa yang begitu matang ini, diraikan rakyat Malaysia dengan rasa penuh kesedaran dan kesyukuran serta semangat patriotisme atau kesetiaan tanpa berbelah bahagi pada bumi pertiwi yang tercinta ini. Cengkaman penjajahan selama 446 tahun ini berkesudahan akhirnya dengan kemerdekaan yang dicapai negara Malaysia menerusi perundangan dan perundingan, bukan melalui peperangan dan konflik persenjataan.

Bermula dari tarikh keramat 31 Ogos 1957 itu, Malaysia telah mengorak langkah penuh bergaya berbekalkan jati diri yang merdeka membina bumi pertiwi yang asalnya sarat dengan Hutan Hujan Tropika menghijau, kemudian bertukar menjadi pentas pembangunan dan perindustrian yang amat dibanggakan. Malah Malaysia telah menduduki kedudukan terkehadapan di kalangan negara-negara dunia ketiga bahkan negara teladan yang disegani oleh negara-negara Islam sedunia. Tidak mustahil, Malaysia akan mampu sebanding dengan negara-negara maju di dunia, menuju wawasan 2020 nanti.

Sebenarnya, usaha yang konsisten oleh pucuk pimpinan negara dalam memelihara kemerdekaan di samping garapan tenaga seluruh warganya menuju wawasan gemilang 2020 ini adalah formula dan ramuan mujarab kejayaan Malaysia selama 50 tahun ini. Memelihara kemerdekaan negara ini sepatutnya berupa usaha yang berfokus dan secara perancangan. Terdapat beberapa langkah atau strategi yang perlu diambil kira ke arah memelihara dan mengisi sebuah negara merdeka. Secara asasnya, antara strategi yang paling utama adalah; Pertama: Memahami dan menangkisny serangan terhadap pemikiran, budaya dan ekonomi negara. Kedua: Keprihatinan rakyat dengan sektor pekerjaan sekalipun bertaraf rendah dan sederhana. Ketiga: Memanfaatkan sumber tenaga dan hasil bumi negara secara optimum. Keempat: Mempergiatkan penerangan dan pelaksanaan program Islam Hadhari. Kelima: Usaha bersepadu menangani gejala sosial. Keenam: Meminggirkan sikap terlalu selesa dan leka diri.

Strategi pertama bagi memelihara kemerdekaan adalah memahami serangan dan berusaha menangkis rempuhan penjajah baru berbentuk pemikiran, budaya dan ekonomi. Penjajahan secara ketenteraan sebenarnya mudah dikesan dan dapat ditentang secara berhadapan, namun penjajahan minda bentuk baru ini lebih berbahaya dan memberi impak buruk yang besar lantaran ia amat halus, licik dan penuh berstrategi. Abd. Satar Fathullah Sa'ad (1984) menjelaskan bahawa penjajahan dalam bentuk minda dan budaya ini kadang-kadang atas nama modenisasi, liberalisasi, integrasi dan lain-lain lagi yang memartabatkan nilai-nilai Barat



Malaysiaku Gemilang
Satu perjalanan

yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan ketimuran.

Dr. Ali Muhammad al-Ta'wa (1997) pula menegaskan bahwa keracunan pemikiran akibat penjajahan bentuk baru ini membawa kepada pencemaran budaya dan persepsi generasi pascamerdeka. Kekadang mereka amat berbangga dengan minda dan budaya 'import' daripada mengagungkan pemikiran dan budaya bangsa dan negara mereka sendiri. Malahan kekadang graduan lepasan negara 'orang putih' seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat lebih dipandang tinggi dan dikehendakan dalam pentadbiran negara berbanding lepasan dari universiti watan mereka sendiri. Dalam pada itu, arus globalisasi yang melanda sebenarnya adalah "serangan" baru yang mampu merapuhkan jati diri dan menghakis norma-norma murni ketimuran yang dipegang selama ini sekiranya kita lemah prinsip hidup dan pegangan diri.

Penjajahan baru juga boleh berlaku dalam bentuk ekonomi. Kegawatan ekonomi di tahun-tahun terakhir 1990-an, telah menyerlahkan kesilapan beberapa negara-negara di rantau Asia Timur yang menerima "ubat" yang ditawarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia. Namun, apa yang disangkakan "ubat" sebenarnya "racun" yang dijadikan senjata untuk mengawal dan mendominasi ekonomi negara yang merdeka.

Keperihatinan

Strategi kedua ialah keperihatinan rakyat dengan sektor pekerjaan sekalipun bertaraf rendah dan sederhana. Ini adalah kerana sikap terlalu memilih kerjaya akan mengundang pekerja-pekerja luar memonopoli peluang dan sumber pendapatan dalam negara di waktu yang sama membawa kepada pengaliran wang ke negara luar. Bukan sekadar itu sahaja, malah kemasukan pekerja-pekerja asing yang tidak dibendung dengan bijak membawa bersama "budaya-budaya asing" yang mengugat keamanan dan kesejahteraan negara dan warganya.

Strategi ketiga ialah memanfaatkan sumber tenaga dan hasil bumi negara secara optimum. Negara Malaysia merupakan bumi yang subur untuk pertanian dan kaya dengan hasil bumi. Negara kita juga mempunyai alam semulajadi yang indah yang terdiri daripada pantai-pantai yang permai dan



BAIK buruk generasi muda pascamerdeka itu adalah cerminan masa depan negara 10 atau 20 tahun akan datang. — Gambar hiasan

hutan-hutan yang belum tercemar yang sangat sesuai untuk industri perilangan. Ini semua mampu menjana ekonomi negara, sekali gus meletakkan negara setaraf dengan negara-negara maju di dunia. Sekiranya sumber tenaga dan hasil bumi negara ini didominasi atau dirampas oleh negara atau kuasa luar, seperti yang berlaku ke atas sumber petroleum Iraq oleh kuasa besar Amerika, maka apalah erti merdeka bagi negara yang berdaulat dan merdeka! Untuk itu, R & D yang berterusan oleh tenaga pakar ke arah mempertingkatkan sumber tenaga dan hasil bumi negara adalah tindakan yang wajar bagi menjayakan strategi ini sekali gus mengisi erti kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Strategi keempat pula ialah mempergiatkan penerangan dan pelaksanaan program Islam Hadhari di kalangan seluruh warga Malaysia. Program Islam Hadhari yang menawarkan sepuluh prinsip murni yang utama, wajar diteruskan usaha penerangannya melalui media massa, ceramah-ceramah dan sebagainya agar kefahaman yang jelas mengenainya dapat disampaikan kepada masyarakat seterusnya diterjemahkan dalam bentuk penghayatan dan pengamalan. Melalui prinsip-prinsip Islam Hadhari yang difahami dan dihayati sebenarnya, kita meyakini bahawa rakyat negara mampu menangkis serangan-serangan luar berbentuk serangan pemikiran, budaya dan ekonomi serta membina negara sebagai negara berdaulat dan merdeka dalam suasana yang harmonis dan sejahtera.

Strategi kelima ialah usaha bersepadu menangani gejala sosial khususnya di kalangan remaja dan muda-mudi di negara kita lantaran mereka disifatkan sebagai tiang negara dan baik buruk generasi muda pascamerdeka ini adalah cerminan masa depan negara 10 atau 20 tahun akan datang. Kemer-

deka yang dikecapi bukan sekadar kemajuan dan kekayaan yang dimiliki bahkan kemerdekaan itu adalah gambaran ketamadunan insan yang mulia akhlak, berhemah dan bermoral tinggi serta dipandang mulia oleh bangsa dan warga negara lain. Sebaliknya, keruntuhan akhlak, budaya liar, seks bebas, pembuangan anak, dadah, jenayah rogol, pembunuhan dan sebagainya adalah unsur-unsur yang memusnahkan kestabilan negara dan meranapkan erti kemerdekaan serta merentap keamanan hidup warganya.

Strategi keenam dan terakhir ialah meminggirkan sikap terlalu selesa dan leka diri. Biarpun kita telah mengharungi liku-liku penjajahan sekian lama dan menjejaki kemajuan dan pembangunan pesat selama 50 tahun setelah merdeka, namun bukan bermakna kita sudah boleh berasa selesa tanpa sifat berwaspada dan berjaga-jaga. Allah s.w.t telah menegaskan kepada hamba-hamba-Nya: *Sesungguhnya jika kamu mensyukuri nikmat-Ku maka akan Kami tambah nikmat kepadamu dan jika kamu mengingkarinya maka sesungguhnya siksa-Ku amat pedih.* (Ibrahim: 7). Hakikatnya, kemerdekaan berhajat kepada usaha yang jitu daripada setiap warga negara untuk memelihara dan mengisinya bukan sekadar menyambutnya dengan nyanyian dan sorakan gembira agar kemerdekaan yang dikecapi ini terus berkekalan bukan sekadar 50 tahun atau 100 tahun, bahkan hingga ke akhir hayat dunia hendaknya.

■ NIDZAMUDDIN ZAKARIA dan DR. MOSTEFA CHEIKH YAHI ialah pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.